

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: WAWANCARA DENGAN WAKIL-WAKIL MEDIA MASSA DALAM - PART II

TEMPAT: RTM, KUALA LUMPUR

TARIKH: 19 JUL 1995

MASA:

Part II

Encik Khalid Mohd:

Adakah ini kuasa Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Dato Seri:

Kerajaan Negeri banyak kuasa dan Kerajaan Tempatan

.

Encik Ahmad Nazri:

Saya ada terbaca satu kenyataan Kementerian Sains dan Alam Sekitar kononnya EIA tidak mempunyai kuasa dalam pembangunan di lereng bukit dan kawasan tinggi

.

Y.A.B. Dato Seri:

Dia ada kuasa menentukan sama ada boleh ataupun tidak boleh dan pembangunan di lereng bukit atau pun di atas bukit boleh dibuat tetapi mengikut cara-cara yang selamat. Tetapi kalau ditarahnya bukit itu, dipotongnya kepala bukit itu, sudah tentulah didedahkan tanah itu kepada hujan dan sudah tentu berlaku landslide.

Dato Jaafar Kamin:

Mungkin denda atau pun selalu kita panggil penalty boleh menjadi penghalang.

Y.A.B. Dato Seri:

Kita boleh mengenakan denda tetapi kita mesti melalui authority yang ada di tempat itu dan kadang-kadang mungkin juga Kerajaan-kerajaan tempatan tidak menguatkuasakan arahan yang dibuat kerana ia belum merupakan undang-undang. Kita sedang membuat peraturan-peraturan baru supaya dilaksanakan mengikut kehendak Kerajaan.

Encik Khalid Mohd:

Dato Seri, setelah berlaku tragedi di Genting, apakah Kerajaan masih akan meneruskan cadangan untuk membina jalan raya menghubungkan Genting, Frasers Hill dan juga Cameron Highlands.

Y.A.B. Dato Seri:

Ya, kita masih mempunyai cadangan ini kerana pada pendapat Kerajaan, yang penting bukan adanya jalan ini tetapi bagaimana jalan ini dibina. Kalau dibina dengan cukup mengambilkira keadaan alam sekeliling dan dibina dengan cara yang baik, kita yakin bahawa tragedi seperti yang berlaku di Genting baru-baru ini tidak akan berlaku walaupun kita tidak boleh 'guarantee' seratus peratus. Hakikatnya ialah di negara-negara lain, di Jepun, di Switzerland umpamanya, mereka negeri

bergunung, tidak ada tempat tanah rata bagi mereka. Jadi, mereka terpaksa menggunakan gunung-gunung ini untuk penduduk, untuk jalan-jalan dan mereka membinanya dengan baik dan tidak ada kemalangan berlaku walaupun kadang-kadang berlaku jugalah. Itu kuasa Tuhan. Kita tidak boleh hendak menentukan sesuatu seratus peratus. Tetapi kalau dibina jalan ini dengan baik, saya yakin dia tidak akan berbahaya kepada alam sekeliling ataupun pengguna jalan-jalan ini.

Dato Jaafar Kamin:

Daripada segi keseluruhan Dato Seri, pembangunan yang berlaku ini kalau dilihat secara menyeluruh boleh dianggap sebagai 'environment-friendly' seperti 'hydro electric power' daripada air yang Dato Seri sebutkan tadi. Dan oleh kerana sekarang ini proses globalisasi sudah begitu kuat, sejauh mana pada pandangan Dato Seri sendiri kegiatan, dasar dan pelaksanaan di negara kita dibanding dengan banyak negara lain daripada segi alam sekitar.

Y.A.B. Dato Seri:

Kalau kita ingat bahawa kita masih sebuah negara membangun, perhatian yang kita beri kepada alam sekitar jauh lebih daripada negara-negara membangun yang lain. Bahkan kita seolah-olah menjadi negara maju. Negara-negara maju sebenarnya masa mereka membangun, mereka juga tidak mempedulikan keadaan alam sekitar. Sebab itu hari ini mereka menjadi negara maju dan setelah menjadi negara maju mereka mengenakan syarat supaya itu tidak boleh buat, ini tidak boleh buat, sedangkan mereka membuat semua ini dahulu. Jadi, dalam perkara ini, kita harus ingat bahawa walaupun kita negara membangun, kita lebih prihatin terhadap keadaan alam sekitar daripada negara-negara membangun yang lain dan juga negara-negara maju yang semasa dahulu mereka membangun negara mereka, mereka tidak memberi perhatian kepada soal-soal ini.

Encik Khalid Mohd:

Dato Seri, dalam sepucuk surat kepada Utusan Malaysia baru-baru ini, Tun Daim Zainuddin ada menyebut bahawa hanya di Malaysia sahaja di mana kita membina bangunan atau bangunan yang tinggi di atas bukit, tidak ada pembinaan yang sedemikian rupa di negara-negara lain. Apakah betul ini?

Y.A.B. Dato Seri:

Betul dan tidak betul. Tetapi ada negara lain yang mana kawasannya bukit-bukau belaka, mereka terpaksa juga membina. Kalau kita pergi ke Hong Kong umpamanya, kita dapati bangunan mencakar langit duduk di atas gunung. Di tempat yang tidak mempunyai tanah rata memanglah di atas bukit. Dalam pada itu kita harus ingat, kita tidak mempunyai kawasan tanah rata begitu banyak. Banyak bukit-bukau di Malaysia dan kita terpaksa membangunkan bangunan yang tinggi di tempat-tempat tertentu. Seperti saya kata, kalau kita membangun dengan cara berhati-hati, tidak potong bukit dan kita jaga betul kawasan itu, kita jaga kebersihannya, saya fikir dia tidak menjadi sesuatu yang dilarang terus. Tetapi tidak

usahlah sampai tidak nampak bukit, tinggal bangunan sahaja seperti yang berlaku di Brinchang umpamanya, juga termasuk di puncak Genting Highlands. Tidak ada tanah lagi, cuma bangunan sahaja ada di situ.

Encik Ahmad Nazri:

Satu lagi masalah alam sekitar Dato Seri, ialah berkenaan dengan pembalakan haram. Perkara ini sudah bertahun kita bincang dan rasanya pihak Kerajaan pun ingin menggunakan tentera dan berdasarkan 'air photo' yang diambil memang agak serius. Tetapi banyak kenyataan dikeluarkan, pelaksanaannya itu barangkali belum begitu berkesan. Apakah tindakan Kerajaan selanjutnya?

Y.A.B. Dato Seri:

Kita terpaksa berusaha sedaya upaya dalam perkara ini seperti juga dengan undang-undang lain. Hanya dengan mengadakan undang-undang tidak menjamin jenayah tidak berlaku dan kadang-kadang bila jenayah berlaku, bukan semua penjenayah dapat kita kesan dan dapat kita ambil tindakan. Dan dalam pembalakan dalam hutan ini, kadang-kadang terjadilah perkara-perkara yang tidak diinginkan yang mana kita tidak begitu mengawasi ataupun mengawal kejadian ini dengan berkesan.

Encik Khalid Mohd:

Satu lagi Dato Seri, mungkinkah masalah-masalah yang kita hadapi sekarang ini seperti tanah runtuh, bangunan runtuh disebabkan kita tidak mempunyai teknologi ataupun kita mengambil jalan pintas untuk membina sesuatu?

Y.A.B. Dato Seri:

Ada juga kemungkinan ini, tetapi sebenarnya industri 'construction' di Malaysia ini agak canggih. Hanya kadang-kadang ada orang yang cuba hendak mengurangkan kos, yang orang kata 'cut corners', hendak cari jalan yang cepat, mungkin untuk menyelamatkan modal mereka. Dan apabila ini berlaku, kejadian tanah runtuh ini mungkin juga berlaku. Sepertimana kita tahu baru-baru ini di Seoul sebuah bangunan bukan di atas gunung telah runtuh. Kadang-kadang ada kontraktor barangkali yang cuba hendak cari untung lebih dan kalau kita dapati kita mesti ambil tindakan terhadap orang ini.

Encik Ahmad Nazri:

Menguruskan alam sekitar saya ingat lebih mudah dari menguruskan manusia ini. Selain daripada masalah alam sekitar, saya ingat hendak bawa Dato Seri kepada masalah yang ditimbulkan oleh CUEPACS baru-baru ini berkenaan dengan tuntutan gaji. Mengapakah terdapat satu perbezaan yang amat ketara di antara perkiraan oleh CUEPACS dan Kerajaan. CUEPACS berkata kenaikannya hanya empat billion sedangkan perkiraan pihak Kerajaan 12 billion.

Y.A.B. Dato Seri:

Ya, kerana Kerajaan mempunyai maklumat yang cukup, tahu sebenarnya apa yang kita belanja, banyak mana kita belanja dan untuk apa, kita tahu kos pentadbiran banyak mana dan bilangan pekerja dalam Kerajaan. Macam-macam lagi yang ada dalam Kerajaan. Jadi bila kita ada kajian

semula gaji, tangga gaji, kita mengambilkira semua kesannya termasuk orang yang sudah pencen. Bila gaji naik, pencen juga naik. Orang yang lama, sudah berhenti lama pun, pencen mereka ditambah. Itu dasar yang luar biasa yang terdapat di dalam negara kita. Satu pertimbangan yang kita beri kepada pekerja-pekerja Kerajaan sehingga mereka sudah berhenti kerja pun ada kenaikan gaji lagi, kenaikan pencen. Jadi semua ini kita kira. Kita telah jelaskan bilangan pekerja, bagaimana kita kira, kepada mereka. Mereka sebenarnya membuat kesilapan kerana mereka tidak mempunyai maklumat yang penuh seperti yang kita dapat. Tetapi saya akui bahawa pekerja, dalam Kerajaan baik, di pihak swasta baik, semakin lama pendapatan mereka mestilah meningkat. Sebab itu walaupun kita biasanya membuat kajian gaji lima tahun sekali, selepas tiga tahun apabila CUEPACS mendesak, saya bersetuju supaya dikaji semula kerana kita fikir eloklah mereka dapat, tetapi setakat yang kita mampu sahaja.

Encik Khalid Mohd:

Dato Seri, sekiranya Kerajaan memenuhi tuntutan CUEPACS sepenuhnya iaitu RM12 billion, apakah kesannya terhadap ekonomi negara?

Y.A.B. Dato Seri:

Kesannya ialah pihak lain tidak akan dapat peruntukan sama sekali, tidak ada perbelanjaan untuk kampung, untuk jalan untuk macam-macam lagi yang kita guna wang Kerajaan untuk mengadakan segala kemudahan ini. Juga kita mungkin terpaksa pinjam duit daripada orang lain untuk membayar gaji. Sesuatu yang tidak sihat sekali ialah meminjam duit untuk perbelanjaan harian. Kalau kita buat macam itu, lama-lama kita akan bankrap. Wang ini bukan milik Kabinet, bukan milik saya, milik rakyat sebenarnya dan kita mesti agihkan secara adil kepada mereka yang bekerja dalam Kerajaan dan juga kepada rakyat yang bukan semuanya kaya, tetapi ramai juga yang miskin yang memerlukan kepada bantuan daripada Kerajaan.

Encik Khalid Mohd:

Sejak Dato Seri melahirkan perasaan tidak begitu senang dengan cara CUEPACS tempoh hari, nampaknya mereka sudah berlembut sedikit. Apa komen Dato Seri tentang sikap mereka?

Y.A.B. Dato Seri:

Saya mengalu-alukan kesediaan mereka untuk mengurangkan tuntutan mereka dan ini boleh dirunding dan kita boleh beri angka-angka yang sebenar tentang kesan tuntutan mereka. Dan setakat yang kita mampu, kita memang hendak memberi tambahan gaji kepada mereka.

Encik Khalid Mohd:

Apakah ini bererti Dato Seri sudah bersedia untuk berjumpa dengan CUEPACS sekarang?

Y.A.B. Dato Seri:

Saya fikir sebelum saya berjumpa, eloklah kalau dia kemukakan dulu apa dianya tuntutan mereka yang kurang ini.

Encik Ahmad Nazri:

Ada juga pihak yang tidak puas hati Dato Seri tentang Skim SSB, mengatakan bahawa masih lagi berlaku pilih kasih, ada yang melintang, menegak dan sebagainya.

Y.A.B. Dato Seri:

Skim SSB ini adalah cara baru untuk menambah peluang kenaikan pangkat, tambahan gaji kepada kakitangan Kerajaan. Dulu, untuk kenaikan pangkat dan tambahan gaji dibuat 'confidential report', satu laporan sulit yang tidak diketahui oleh pegawai itu sendiri. Dalam 'confidential report' yang semacam ini kalau hendak ada pilih kasih, ada juga dan dia tidak tahu pun. Yang kita buat sekarang ini ialah laporan ini mesti didedah kepada pegawai itu sendiri supaya dia tahu apa kelemahan dia, apa kebaikan dia. Dengan itu dia dapat manfaat untuk memperbaiki mungkin prestasi dia. Itu yang kita buat dan kita gunakan itu untuk menaikkan gaji atau naik pangkat dan sebagainya. Kita tidak boleh ada 'assessment' itu (SSB), tetapi guna yang lain pula untuk naik pangkat. Jadi apa maknanya, kalau dalam 'assessment' itu dia baik tetapi dia tidak dinaikkan pangkat kerana kita ada 'confidential report' lagi lagi satu. Jadi bercanggahlah. Sebab itu kita gunakan itu dan kalau dia berasa tidak puas hati dia boleh rayu. Dan kalau dia berasa bahawa laporan ini menunjukkan kelemahannya dia boleh perbaiki prestasi dia, dan kalau dia baik mungkin dia boleh dinaikkan lagi. Jadi dengan cara ini sebenarnya lebih ramai daripada pegawai Kerajaan yang mendapat manfaat daripada SSB daripada dahulu. Tetapi sudah tentulah ada yang tidak dapat. Yang gaduh ini yang tidak dapat.

Encik Khalid Mohd:

Tetapi saya fikir yang jadi masalah besar Dato Seri ialah kakitangan Kerajaan merasakan kadang-kadang dia mungkin tidak dapat penilaian yang betul. Sebab manusia, kita tahulah sikap manusia, kadang-kadang ada sikap pilih kasih di pihak orang yang membuat penilaian ini. Saya fikir di situlah letak masalah besar.

Y.A.B. Dato' Seri:

Kalau digunakan 'confidential report' pun perkara itu boleh berlaku juga, satu penilaian yang tidak tepat. Dalam 'confidential report', laporan sulit, dia tidak tahu langsung, dia tidak tahu apa dia kesalahan dia. Tetapi ini (SSB) dia boleh tahu dan dia boleh.